

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : PUAN YEO BEE YIN [BAKRI]

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan status terkini Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE) serta perincian mengikut sumbangan dan perbelanjaan dari Januari hingga Jun 2020 dan anggaran untuk Julai hingga Disember 2020.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Anggaran baki dana Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE) **sehingga 30 Jun 2020 sebanyak RM1,139.93 juta**, iaitu setelah mengambil kira jumlah aliran dana masuk serta perbelanjaan KWIE bagi tempoh Januari-Jun 2020.

2. Seterusnya, **unjuran baki dana KWIE bagi tempoh Julai-Disember 2020 adalah sebanyak RM129.93 juta**, iaitu setelah mengambil kira jumlah terimaan dan perbelanjaan KWIE, khususnya dalam usaha Kerajaan mengurangkan impak pandemik COVID-19 melalui Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE), PRE Prihatin Rakyat (PRIHATIN) dan Bantuan PRIHATIN Elektrik (BPE).

3. Perincian mengikut sumbangan dan perbelanjaan akan dapat ditentukan setelah penyata kewangan KWIE tahun 2020 selesai diaudit dan dilaporkan dalam Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan KWIE yang akan dibentangkan di Mesyuarat Parlimen pada tahun 2021.

Sekian, terima kasih.